



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 3 petang, 8 Jun 2026.

Untuk Terbitan Media  
8 Jun 2026

## SIARAN MEDIA

### **PENIPUAN DAYA KERJAYA TERBONGKAR HASIL KAWALAN, RISIKAN AFEI PERKESO**

**KUALA LUMPUR:** Penipuan tuntutan insentif program Daya Kerjaya terbongkar sehingga membawa kepada siri penahanan, hasil kawalan dalaman berterusan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejak akhir 2024.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, menegaskan bahawa pihaknya tidak berkompromi dengan sebarang kegiatan didalangi sindiket atau perseorangan yang dikesan cuba menyeleweng dana keselamatan sosial.

Sehubungan itu, katanya, sistem pemantauan dalaman yang dipacu teknologi kecerdasan buatan (AI) di Bahagian Anti-Fraud, Etika dan Integriti (AFEI) PERKESO akan terus mengenal pasti sebarang kepincangan atau anomali untuk penelitian lanjut.

“Setiap kepincangan akan disusuli tindakan segera oleh pasukan petugas khas yang menjalankan risikan di lapangan bagi mengesahkan sama ada tuntutan adalah berasas atau mempunyai unsur penipuan.

“Justeru, sejak akhir 2024, AFEI PERKESO berusaha mengumpulkan bukti sebelum menyerahkan semua maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tujuan penguatkuasaan dan penahanan.

“Hasil kawalan dalaman PERKESO dan kerjasama yang diberikan kepada SPRM sekali gus membawa kepada pembongkaran kegiatan penipuan Daya Kerjaya 1.0 dan 2.0 sehingga kini,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman berkata kerjasama utuh PERKESO-SPRM kemudian diteruskan dalam Op Tunjang yang menyaksikan pendedahan kegiatan penipuan jenayah berkolar putih, termasuk melibatkan pengamal perubatan.

Tegasnya, PERKESO akan terus meningkatkan kawalan dalaman bagi membanteras sebarang kegiatan penipuan untuk menyeleweng dana keselamatan sosial yang sepatutnya disalurkan kepada insan memerlukan, khususnya pencarum dan waris keluarga.

“PERKESO tidak berkompromi dengan sebarang kes penipuan, justeru melalui teknologi yang dimiliki di bahagian AFEI, setiap kes tuntutan akan dipantau dengan teliti.

“Kami ingin menegaskan kepada semua pihak, sama ada dalaman atau luaran, PERKESO akan meneruskan kerjasama bersama pihak berkuasa dan mengambil tindakan tegas bagi membanteras kegiatan penipuan, penyelewengan dan manipulasi tuntutan,” katanya.

**##TAMAT##**

## **Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**8 Jun 2026**